

Arahan: Tiap-tiap soalan yang berikut diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu A, B, C, dan D. Pilihlah satu jawapan yang paling sesuai.

7.1 Perpaduan dan Integrasi Nasional

(Buku Teks m.s. 140 – 143)

- 1 Apakah elemen yang menjadi asas kekuatan negara kita yang terdiri daripada pelbagai kaum?

I Perpaduan kaum
II Integrasi nasional
III Kemajuan teknologi
IV Penguasaan ekonomi

- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 140)

- 2 Apakah maksud pernyataan berikut?

Keadaan rakyat daripada pelbagai etnik, agama dan wilayah hidup dengan aman dalam masyarakat yang bersatu.

- A Rakyat merdeka C Penyatuan bangsa
B Sosial masyarakat D Perpaduan kaum

(Buku Teks m.s. 140)

- 3 Apakah maksud integrasi nasional?

- A Keadaan rakyat pelbagai kaum saling bekerjasama
B Pengagihan kuasa yang adil antara kerajaan Malaysia
C Langkah meningkatkan pembangunan ekonomi negara
D Proses merapatkan hubungan masyarakat antara negeri

(Buku Teks m.s. 140)

- 4 Pentadbiran British telah menyebabkan berlaku pemisahan kaum di negara kita. Apakah aspek pemisahan kaum yang dilakukan oleh British?

- I Ekonomi III Adat resam
II Teknologi IV Petempatan
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 141)

- 5 Apakah kesan pemisahan kaum yang dilakukan dalam pentadbiran British terhadap Tanah Melayu?

- A Kewujudan persaingan sihat
B Kemajuan sistem perdagangan
C Kerenggangan hubungan kaum
D Kepelbagaian kegiatan ekonomi

(Buku Teks m.s. 141)

- 6 Apakah punca utama kepada masalah perpaduan kaum di negara kita selepas merdeka?

- I Fahaman politik
II Sistem pendidikan
III Sistem percukaian
IV Kedatangan imigran

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 141)

- 7 Senarai berikut berkaitan dengan sistem ekonomi British di Tanah Melayu.

- Ekonomi komersial
- Ekonomi tradisional

Apakah pentadbiran British yang memperkenalkan sistem ekonomi tersebut?

- A Sistem Beraja
B Sistem Residen
C Sistem Penasihat
D Sistem Persekutuan

(Buku Teks m.s. 141)

- 8 Bagaimanakah British melakukan pemisahan kaum di negara kita?

- I Perbezaan teknologi
II Perbezaan ekonomi
III Perbezaan petempatan
IV Perbezaan adat resam

- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 141)

- 9 Senarai berikut berkaitan dengan sistem pendidikan semasa zaman penjajahan British di Tanah Melayu.

- Sekolah Vernakular Melayu
- Sekolah Vernakular Cina
- Sekolah Vernakular Tamil
- Sekolah Vernakular Inggeris

Apakah kesan daripada sistem pendidikan tersebut?

- A Setia kepada negara
- B Sukatan pelajaran selaras
- C Pengasingan kaum berlaku
- D Pengurusan yang sistematik

(Buku Teks m.s. 141)

- 10 Apakah masalah penubuhan fahaman politik berasaskan kaum sehingga kini?

- A Mengehadkan penyertaan dari kelas pertengahan
- B Ketidakselarasan dalam pengurusan dan organisasi
- C Pemilihan ahli tidak mematuhi perlembagaan negeri
- D Memperjuangkan kepentingan kaum masing-masing

(Buku Teks m.s. 141)

- 11 Kerjasama politik parti pelbagai kaum sudah bermula sebelum merdeka.

Apakah parti tersebut?

- A Parti Perikatan
- B Parti Harapan
- C Parti Bersatu
- D Parti Negara

(Buku Teks m.s. 142)

- 12 Apakah persamaan sumbangan agensi kerajaan berikut?

- Jabatan Perpaduan Negara
- Majlis Muhibah Negara
- Majlis Perundingan Negara

- A Memajukan sosioekonomi
- B Membangunkan pendidikan
- C Memperkasakan perpaduan
- D Mempertingkatkan prasarana

(Buku Teks m.s. 142)

- 13 Maklumat berikut berkaitan dengan usaha kerajaan untuk memperkasakan perpaduan kaum di negara kita.

X

Mendraf satu ideologi untuk negara yang dikenal sebagai Rukun Negara.

Apakah X?

- A Majlis Muhibah Negara
- B Majlis Perundingan Negara
- C Jabatan Perpaduan Negara
- D Jabatan Perkhidmatan Awam

(Buku Teks m.s. 142)

- 14 Bagaimanakah kerajaan mewujudkan integrasi antara negeri selepas peristiwa 13 Mei 1969?

- A Membuka petempatan khas
- B Mengurangkan kemasukan imigran
- C Memperluaskan kawasan pertanian
- D Menyelaraskan perkhidmatan awam

(Buku Teks m.s. 142)

- 15 Kerajaan telah memperkenalkan beberapa dasar pembangunan untuk memajukan ekonomi rakyat dan negara.

Apakah dasar pembangunan ekonomi yang terlibat?

- I Dasar Bumi Hangus
 - II Dasar Kawalan Ekonomi
 - III Dasar Pembangunan Nasional
 - IV Dasar Ekonomi Baharu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

(Buku Teks m.s. 143)

- 16 Maklumat berikut merujuk kepada tumpuan kerajaan dalam pembangunan ekonomi negara selepas merdeka.

- Pembangunan wilayah
- Pembangunan masyarakat luar bandar

Bagaimanakah pembangunan ekonomi tersebut dilaksanakan?

- A Rancangan perindustrian berat
- B Rancangan pemulihan ekonomi
- C Rancangan pembangunan tanah
- D Rancangan perkampungan berkelompok

(Buku Teks m.s. 143)

- 17 Kerajaan telah memperkenalkan Zon Perindustrian Bebas dalam usaha memajukan bidang perindustrian dan perdagangan negara. Apakah kawasan yang terlibat?

I Bintulu, Sarawak
II Bayan Lepas, Pulau Pinang
III Pelabuhan Klang, Selangor
IV Temerloh, Pahang

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 143)

- 18 Mengapakah berlaku penghijrahan penduduk dari luar bandar ke bandar selepas kemerdekaan negara?

A Kekurangan buruh mahir
B Peluang pekerjaan yang luas
C Kemajuan sistem pengangkutan
D Pelbagai kemudahan asas

(Buku Teks m.s. 143)

- 19 Mengapakah kerajaan memperkenalkan dasar pendidikan berikut?

• Laporan Rahman Talib
• Laporan Jawatankuasa Kabinet
• Falsafah Pendidikan Kebangsaan

A Menyusun semula masyarakat
B Melahirkan rakyat yang patriotik
C Meningkatkan budaya cemerlang
D Menerapkan semangat individualisme

(Buku Teks m.s. 143)

- 20 Apakah matlamat kerajaan melaksanakan dasar berikut?

• Akta Bahasa Kebangsaan
• Dasar Pendidikan Kebangsaan
• Dasar Kebudayaan Kebangsaan

A Mewujudkan perpaduan kaum
B Meningkatkan taraf hidup rakyat
C Menjamin kecemerlangan negara
D Membina masyarakat berdaya saing

(Buku Teks m.s. 143)

- 21 Kerajaan berusaha melahirkan masyarakat yang mempunyai satu identiti bahasa yang sama.

Bagaimanakah usaha tersebut dilaksanakan?

A Pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan
B Pengenalan Dasar Pembangunan Nasional
C Penubuhan Dasar Pendidikan Kebangsaan
D Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka

(Buku Teks m.s. 143)

- 22 Bagaimanakah kerajaan mewujudkan semangat kekitaan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum?


A Menggalakkan pelibatan sukan
B Mengukuhkan sistem pendidikan
C Memperkenalkan Rukun Negara
D Mengamalkan kebudayaan kebangsaan

(Buku Teks m.s. 143)

7.2 Dasar Pendidikan Kebangsaan

(Buku Teks m.s. 144 – 147)

- 23 Rajah berikut merujuk kepada Dasar Pendidikan Kebangsaan.



Apakah X?

A Akta Pendidikan
B Laporan Fenn-Wu
C Laporan Rahman Talib
D Falsafah Pendidikan Kebangsaan

(Buku Teks m.s. 144)

- 24 Apakah kesan pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan terhadap negara?

I Menyediakan tenaga kerja mahir
II Memperkukuhkan perpaduan rakyat
III Menggalakkan kemasukan modal asing
IV Meningkatkan kualiti perkhidmatan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 144)

- 25 Maklumat berikut berkaitan dengan cadangan dalam Laporan Rahman Talib.

- Penggunaan bahasa yang seragam
- Mengadakan kurikulum yang sama

Apakah kepentingan syor tersebut?

- A Memupuk perpaduan rakyat
- B Melahirkan tenaga kerja mahir
- C Memupuk semangat setia kawan
- D Mengurangkan sekolah vernakular

(Buku Teks m.s. 145)

- 26 Senarai berikut berkaitan dengan cadangan dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan.

- Penekanan kepada mata pelajaran Sejarah
- Mewajibkan mata pelajaran Tatarakyat

Apakah jawatankuasa yang membuat cadangan tersebut?

- A Jawatankuasa Razak
- B Jawatankuasa Kabinet
- C Jawatankuasa Fenn-Wu
- D Jawatankuasa Rahman Talib

(Buku Teks m.s. 145)

- 27 Mengapakah tokoh berikut memperkenalkan sistem persekolahan aneka jurusan pada tahun 1965?



Aminuddin Baki

- A Melahirkan tenaga kerja mahir
- B Menjamin kecemerlangan negara
- C Memperkasakan sekolah vokasional
- D Memudahkan perkongsian kepakaran

(Buku Teks m.s. 145)

- 28 Apakah kesan pengenalan sistem persekolahan aneka jurusan terhadap pelajar?

- A Peluang untuk memperbaiki mutu pembelajaran
- B Pelajar gagal dapat meneruskan persekolahan
- C Penyelesaian terhadap pelajar yang buta huruf
- D Pelajar mendapat pendedahan bidang teknologi

(Buku Teks m.s. 145)

- 29 Mengapakah Jawatankuasa Kabinet 1974 dibentuk?

- A Memperkenalkan dasar pendidikan kebangsaan
- B Memperbaiki mutu pendidikan sekolah dan negara
- C Mengenal pasti kelemahan penggunaan bahasa Melayu
- D Mengkaji semula pelaksanaan sistem pendidikan negara

(Buku Teks m.s. 146)

- 30 Apakah kandungan Laporan Jawatankuasa 1979?

- I Penekanan terhadap aktiviti kokurikulum
- II Kurikulum yang berorientasikan negara kita
- III Pengenalan beberapa mata pelajaran elektif
- IV Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran wajib

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 146)

- 31 Laporan Jawatankuasa 1979 memberi penegasan terhadap pendidikan kerohanian. Bagaimanakah pendidikan kerohanian dapat dilaksanakan?

- A Penglibatan semua pelajar dalam aktiviti kokurikulum
- B Pengenalan mata pelajaran Kewarganegaraan dan Sivik
- C Didedahkan dengan pembelajaran berbentuk kemahiran
- D Diterapkan melalui Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral

(Buku Teks m.s. 146)

- 32 Apakah dasar pendidikan yang memperkenalkan kurikulum berikut?

- Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR)
- Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)

- A Penyata Razak
- B Kajian Aminuddin Baki
- C Laporan Rahman Talib
- D Laporan Jawatankuasa Kabinet

(Buku Teks m.s. 146)

- 33 Maklumat berikut merujuk kepada matlamat dalam program pendidikan negara.

Menguasai tiga bidang asas, iaitu bidang komunikasi, bidang kemanusiaan dan alam sekitar serta bidang perkembangan diri individu.

Apakah program pendidikan tersebut?

- A Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPN)
- B Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR)
- C Program Pendidikan Khas Intergrasi (PPKI)
- D Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM)

(Buku Teks m.s. 146)

- 34 Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) mula dilaksanakan di sekolah pada tahun 1989.

Apakah tujuan pelaksanaan KBSM tersebut?

- A Melahirkan generasi yang berkemahiran
- B Mengatasi masalah pelajar yang tercicir
- C Membentuk masyarakat yang saintifik
- D Memberi fokus kepada elemen KBAT

(Buku Teks m.s. 146)

- 35 Mengapakah Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPN) digubal pada tahun 1996?

- A Menanam semangat patriotisme
- B Membentuk generasi yang berilmu
- C Membentuk pelajar yang seimbang
- D Melahirkan belia yang berkemahiran

(Buku Teks m.s. 146)

- 36 Kedudukan bahasa kebangsaan diperkukuhkan melalui penggubalan Akta Pendidikan 1996. Bagaimanakah matlamat tersebut dilaksanakan?

- A Mewajibkan bahasa Melayu diajar di semua sekolah
- B Menyeragamkan sukatan pelajaran di sekolah rendah
- C Menjadi mata pelajaran wajib lulus dalam peperiksaan
- D Mengiktiraf bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan

(Buku Teks m.s. 147)

7.3 Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu dan Bahasa Pengantar

(Buku Teks m.s. 148 – 149)

- 37 Bagaimanakah kedudukan bahasa Melayu selepas kemerdekaan negara?

- A Bahasa rasmi
- B Bahasa pentadbiran
- C Bahasa *lingua franca*
- D Bahasa ilmu

(Buku Teks m.s. 148)

- 38 Apakah usaha kerajaan untuk memartabatkan kedudukan bahasa kebangsaan?

- I Penubuhan Mahkamah Persekutuan
 - II Penggunaan dalam semua urusan perdagangan
 - III Penggunaan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan
 - IV Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

(Buku Teks m.s. 148)

- 39 Akta Bahasa Kebangsaan termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

Apakah kepentingan pengenalan akta tersebut?

- A Memupuk perpaduan rakyat
- B Mewujudkan masyarakat berilmu
- C Mengekalkan kedaulatan negara
- D Mengatasi pengaruh bahasa asing

(Buku Teks m.s. 148)

- 40 Bahasa Melayu telah diiktiraf sebagai alat komunikasi rasmi dalam semua urusan kerajaan.

Apakah bukti pengiktirafan tersebut?

- A Penerbitan semua bahan bercetak
- B Penggunaan dalam urusan mahkamah
- C Penulisan di semua papan pengiklanan
- D Penetapan terhadap semua sektor swasta

(Buku Teks m.s. 148)

- 41 Apakah matlamat pembukaan sekolah menengah kebangsaan berikut?

- Sekolah Alam Shah
- Sekolah Sri Puteri
- Sekolah Sultan Abdul Halim

- A Menjadi perintis kepada sekolah berasrama penuh
- B Memperkenalkan mata pelajaran teknik dan vokasional
- C Menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar
- D Memperkasakan bahasa Inggeris dalam pengajaran

(Buku Teks m.s. 148)

- 42 Maklumat berikut berkaitan dengan usaha kerajaan memperkasakan bahasa Melayu di sekolah.

- Bilangan guru terlatih bahasa Melayu ditambah di sekolah menengah kebangsaan.
- Bilangan guru khas ditambah di sekolah menengah jenis kebangsaan.

Langkah ini bermatlamat untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai

- I Bahasa ilmu
- II Bahasa ibunda
- III Bahasa pengantar
- IV Bahasa perpaduan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 148)

- 43 Mengapakah kerajaan menubuhkan pusat pengajian berikut?

Tahun	Penubuhan
18 Mei 1970	Universiti Kebangsaan Malaysia

- A Memupuk jati diri rakyat Malaysia
- B Memperbanyakkan institusi keilmuan
- C Memperkukuhkan toleransi antara rakyat
- D Membuktikan bahasa Melayu bahasa ilmu

(Buku Teks m.s. 149)

- 44 Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (IBKKM) ditubuhkan pada 1 Disember 1972.

Apakah peranan institut tersebut?

- A Pusat penerbitan
- B Pusat penyelidikan
- C Pusat pengumpulan
- D Pusat penterjemahan

(Buku Teks m.s. 149)

- 45 IBKKM telah ditukarkan kepada nama baharu pada tahun 1992.

Apakah nama baharu tersebut?

- A Institut Terjemahan Buku Malaysia (ITBM)
- B Institut Pentadbiran Awam Negara (INTAN)
- C Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
- D Institut Pengajian Guru Bahasa Melayu (IPG)

(Buku Teks m.s. 149)

- 46 Senarai berikut berkaitan dengan tokoh UKM yang mendapat pengiktirafan peringkat negara.

- Siti Zainon Ismail
- Muhammad Haji Salleh

Apakah pengiktirafan yang diperolehi?

- A Seniman Negara
- B Sasterawan Negara
- C Budayawan Negara
- D Sejarawan Negara

(Buku Teks m.s. 149)

- 47 Gambar berikut berkaitan dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).



Mengapakah kerajaan menubuhkan DBP pada 22 Jun 1956?

- A Meningkatkan kadar celik huruf
- B Menggalakkan kemasukan pelajar asing
- C Meningkatkan kemahiran pelbagai bahasa
- D Memperkasa kedudukan bahasa kebangsaan

(Buku Teks m.s. 149)

- 48 Bagaimanakah usaha DBP dalam mengembangkan bahasa dan sastera Melayu?

- A Memberi bantuan biasiswa
- B Menerbit buku dan majalah
- C Membuka sekolah wawasan
- D Menaja pelajar ke luar negara

(Buku Teks m.s. 149)

- 49 Gambar berikut merupakan logo slogan "Bahasa Jiwa Bangsa".



Apakah agensi kerajaan yang memperkenalkan slogan tersebut?

- A Universiti Sains Malaysia
- B Jabatan Perpaduan Negara
- C Dewan Bahasa dan Pustaka
- D Institut Bahasa Kuala Lumpur

(Buku Teks m.s. 149)

7.4 Dasar Kebudayaan Kebangsaan

(Buku Teks m.s. 150 – 151)

- 50 Pada tahun 1971, Kongres Kebudayaan Kebangsaan telah memperkenalkan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Apakah kepentingan dasar tersebut?

- A Menanam taat setia
- B Mengekalkan identiti negara
- C Melahirkan semangat patriotik
- D Menjaga hak peribumi

(Buku Teks m.s. 150)

- 51 Maklumat berikut berkaitan dengan Kongres Kebudayaan Melayu.

Tahun	1956
Perasmii	Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Kedua
Tempat	Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

Apakah pihak yang menganjurkan kongres tersebut?

- A Kementerian Sumber Manusia
- B Kementerian Pendidikan Malaysia
- C Kementerian Komunikasi dan Multimedia
- D Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

(Buku Teks m.s. 150)

- 52 Bagaimanakah kerajaan memelihara keperibadian kebangsaan di negara kita?

- A Menubuhkan Kementerian Wanita dan Keluarga
- B Memperkenalkan Dasar Kebudayaan Kebangsaan
- C Mengadakan majlis rumah terbuka semasa perayaan
- D Menggunakan bahasa Melayu dalam urusan mahkamah

(Buku Teks m.s. 150)

- 53 Antara berikut, yang manakah prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan?

- I Islam menjadi unsur yang penting
- II Adat diraja sebagai elemen utama
- III Ideologi Rukun Negara diguna pakai
- IV Berteraskan kebudayaan rakyat Melayu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 150)

- 54 Apakah matlamat utama pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan?

- A Meningkatkan taraf hidup masyarakat
- B Mengukuhkan kerjasama antara kaum
- C Memelihara keperibadian kebangsaan
- D Mempelbagaikan aktiviti kemasyarakatan

(Buku Teks m.s. 151)

- 55 Apakah persamaan peranan agensi pelaksana berikut?

- Istana Budaya
- Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara
- Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan

- A Meningkatkan sektor pelancongan negara
- B Memelihara maruah negara yang berdaulat
- C Memperkenalkan estetika kesenian negara
- D Mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara

(Buku Teks m.s. 151)

- 56 Maklumat berikut berkaitan dengan program kebudayaan kebangsaan.

- Dianjurkan sejak tahun 1999.
- Diadakan pada bulan Mei setiap tahun.
- Bertempat di Dataran Merdeka.

Apakah program kebudayaan tersebut?

- A Citrawarna Malaysia
- B Festival Seni Selat Melaka
- C Semarak Bulan Kebudayaan
- D Program Merakyatkan Seni Budaya

(Buku Teks m.s. 151)

57 Apakah aktiviti yang dianjurkan dalam Citrawarna Malaysia?

- A Pertandingan sajak
- B Menganjurkan seminar
- C Perarakan ketenteraan
- D Memperagakan kebudayaan

(Buku Teks m.s. 151)

58 Mengapakah kerajaan menganjurkan Citrawarna Malaysia setiap tahun?

- A Mengukuhkan ekonomi negara
- B Memajukan industri pelancongan
- C Menjamin kecemerlangan negara
- D Menggalakkan kemasukan pelabur

(Buku Teks m.s. 151)

59 Tokoh-tokoh berikut merupakan tokoh tersohor negara.



Hamzah
Dolmat



Azah Aziz



Mathew
Ngau Jau

Apakah sumbangan tokoh tersebut?

- I Menghasilkan karya bermutu tinggi
- II Memajukan sistem pendidikan negara
- III Mendokumentasi budaya kebangsaan
- IV Memartabatkan khazanah asli negara

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 151)

60 Tokoh berikut merupakan penggiat budaya negara yang tersohor.

- Samuel Dass
- Mathew Ngau Jau

Apakah persamaan sumbangan tokoh tersebut?

- A Kebudayaan C Muzik tradisional
- B Kesusasteraan D Tarian tradisional

(Buku Teks m.s. 151)

7.5 Sukan sebagai Alat Perpaduan

(Buku Teks m.s. 152 – 155)

61 Sukan merupakan medium untuk memupuk integrasi nasional.

Bagaimanakah matlamat tersebut tercapai?

- A Meningkatkan maruah negara
- B Melahirkan warganegara berdisiplin
- C Mengeratkan hubungan muhibah
- D Menekankan aspek kerohanian

(Buku Teks m.s. 152)

62 Mengapakah Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) dilaksanakan di peringkat sekolah?

- A Menggalakkan penglibatan murid dalam sukan
- B Meningkatkan semangat patriotisme pada murid
- C Menanam kesedaran kepentingan menuntut ilmu
- D Memupuk perasaan saling bertoleransi antara kaum

(Buku Teks m.s. 152)

63 Gambar berikut berkaitan dengan aktiviti kokurikulum di peringkat sekolah.



Bagaimanakah program tersebut dapat memupuk perpaduan kaum?

- A Mengukuhkan semangat belajar
- B Melahirkan atlet yang berkaliber
- C Menyemai minat untuk bersukan
- D Memupuk semangat setia kawan

(Buku Teks m.s. 152)

64 Apakah syarat penganjuran sukan tahunan di peringkat sekolah?

- A Penglibatan komoditi masyarakat
- B Tiada acara sukan mengikut kaum
- C Penyertaan pelajar sekolah sahaja
- D Tiada penajaan daripada pihak luar

(Buku Teks m.s. 152)

- 65 Mengapakah Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) dianjurkan secara bergilir-gilir?
- Mengelakkan krisis antara pasukan
 - Menggalakkan integrasi antara negeri
 - Meningkatkan kecekapan pengurusan
 - Memudahkan penajaan syarikat swasta

(Buku Teks m.s. 153)

- 66 Senarai berikut berkaitan dengan sukan yang dianjurkan di negara kita.

- Majlis Sukan-Sukan Sekolah Malaysia (MSSS)
- Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM)

Apakah matlamat penganjuran sukan tersebut?

- Memantapkan ekonomi negara
- Melahirkan generasi yang sihat
- Memperkuh perpaduan rakyat
- Memajukan industri pelancongan

(Buku Teks m.s. 153)

- 67 Sukan Malaysia (SUKMA) pertama telah diadakan pada 19 April hingga 26 April 1986. Apakah lokasi sukan tersebut?

- Johor
- Pahang
- Pulau Pinang
- Kuala Lumpur

(Buku Teks m.s. 153)

- 68 Gambar berikut berkaitan dengan logo temasya Sukan Malaysia.



Bagaimanakah sukan tersebut dilaksanakan?

- Anjuran peringkat universiti
- Diadakan secara dwitahunan
- Penglibatan atlet negara luar
- Sebagai sukan antarabangsa

(Buku Teks m.s. 153)

- 69 Apakah kepentingan pelaksanaan Sukan Malaysia (SUKMA)?

- Menjadi acara tahunan negara
- Melibatkan penyertaan negara luar
- Mempertandingkan semua acara
- Mengeratkan perpaduan kaum

(Buku Teks m.s. 153)

- 70 Malaysia telah berjaya menganjurkan pelbagai jenis sukan pada peringkat serantau dan antarabangsa.

Apakah faktor kejayaan tersebut?

- Pengiktirafan oleh agensi PBB
- Kesungguhan para sukarelawan
- Komitmen baik antara pemimpin
- Kemudahan asas yang mencukupi

- I dan II
- I dan IV
- II dan III
- III dan IV

(Buku Teks m.s. 153)

- 71 Senarai berikut berkaitan dengan sukan yang telah dianjurkan Malaysia.

- Sukan Permotoran Formula 1
- Le Tour de Langkawi

Apakah tahap penganjuran sukan tersebut?

- Sukan negara
- Sukan tahunan
- Sukan serantau
- Sukan antarabangsa

(Buku Teks m.s. 153)

- 72 Apakah nilai yang dipupuk melalui sukan berpasukan berikut?

- Hoki
- Bola sepak
- Badminton

- Keadilan
 - Bersatu padu
 - Bekerjasama
 - Ketaatan
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

(Buku Teks m.s. 154)

- 73 Malaysia telah berjaya menganjurkan pelbagai jenis sukan peringkat antarabangsa.

- Sukan SEA
- Hoki Piala Dunia
- Pesta Bola Merdeka
- Sukan Komanwel

Apakah rumusan daripada penganjuran sukan tersebut?

- Sukan dapat melahirkan masyarakat yang sihat
- Sukan dapat membentuk masyarakat yang berani
- Sukan dapat menjana sumber pendapatan negara
- Sukan dapat menyatukan masyarakat berbilang kaum

(Buku Teks m.s. 153 – 154)

- 74 Apakah slogan yang melahirkan semangat patriotisme rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, agama dan budaya?
- Malaysia Boleh
 - Budi Bahasa Budnya Kita
 - Bersukutu Bertambah Mutu
 - Muafakat Membawa Berkah

(Buku Teks m.s. 155)

- 75 Laungan "Malaysia Boleh" digunakan untuk kempen Malaysia menjadi tuan rumah kejohanan pada tahun 1992. Apakah kejohanan tersebut?
- Sukan Olimpik
 - Pestabola Malaysia
 - Piala Thomas dan Uber
 - Sukan Permotoran Formula 1

(Buku Teks m.s. 155)

- 76 Apakah kepentingan slogan "Malaysia Boleh" terhadap negara?
- Meningkatkan maruah negara
 - Meningkatkan ekonomi negara
 - Memajukan sektor pelancongan
 - Mengukuhkan penyatuan rakyat

(Buku Teks m.s. 155)

- 77 Kecemerlangan sukan negara sehingga peringkat antarabangsa memerlukan penglibatan beberapa agensi. Apakah agensi tersebut?
- Majlis Sukan Negara
 - Majlis Olimpik Malaysia
 - Majlis Keselamatan Negara
 - Majlis Perundangan Negara
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

(Buku Teks m.s. 155)

- 78 Dialog berikut mungkin berlaku semasa kejohanan Piala Thomas.

Penonton I: *Saya bangga dengan slogan "Malaysia Boleh".*
Penonton II: *Saya juga pasti menggunakan slogan ini.*
Penonton III: *Slogan ini dapat membantu atlet kita.*

Apakah nilai yang diperoleh daripada slogan tersebut?

- Bekerjasama
- Semangat kental
- Berpandangan jauh
- Hormat-menghormati

(Buku Teks m.s. 155)

- 79 Apakah keunikan perkembangan sukan di negara kita?

- Mendapat pengiktirafan peringkat dunia
- Mendapat tajaan daripada pihak korporat
- Melibatkan kerabat diraja sebagai penaung
- Memperoleh sokongan rakyat semua kaum

(Buku Teks m.s. 156)

- 80 Senarai berikut berkaitan dengan bekas atlet negara yang kini menjadi pengurus atau jurulatih pasukan negara.

- David Patrick (Olahraga)
- Misbun Sidek (Badminton)
- Jamal Nasir Ismail (bola sepak)
- Naharudin Mahayudin (Angkat berat)

Apakah kepentingan peranan mereka?

- Memupuk nilai integriti
- Menarik sokongan rakyat
- Menjaga perpaduan kaum
- Memajukan sukan negara

(Buku Teks m.s. 156)

- 81 Apakah sumbangan kerabat diraja berikut terhadap industri sukan negara?



Sultan Azlan Muhibbuddin Shah
(Sultan Perak)

- Presiden Majlis Olimpik Malaysia
- Presiden Konfederasi Hoki Malaysia
- Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia
- Presiden Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia

(Buku Teks m.s. 156)

7.6 Rukun Negara sebagai Tonggak Kesejahteraan Negara

(Buku Teks m.s. 157 – 159)

- 82 Pernyataan berikut merujuk kepada ideologi negara kita.

Ideologi negara dibentuk sebagai sebahagian daripada usaha kerajaan untuk menyatukan dan membimbing rakyat ke arah perpaduan.

Apakah ideologi negara kita?

- A Rukun Negara
- B Wawasan 2020
- C Lagu Negaraku
- D Falsafah Pendidikan Kebangsaan

(Buku Teks m.s. 157)

- 83 Mengapakah Rukun Negara diisytiharkan pada 31 Ogos 1970?

- A Menyusun semula masyarakat
- B Memperkukuh perpaduan rakyat
- C Meningkatkan kemajuan ekonomi
- D Memartabatkan bahasa kebangsaan

(Buku Teks m.s. 157)

- 84 Apakah prinsip hidup masyarakat yang terkandung dalam Rukun Negara?

- A Nilai kenegaraan
- B Bertanggungjawab
- C Berilmu pengetahuan
- D Prinsip individualisme

(Buku Teks m.s. 157)

- 85 Rukun Negara mengandungi norma sosial yang mencakupi seluruh aspek kehidupan. Apakah norma sosial tersebut?

- I Agama
- II Budaya
- III Kesihatan
- IV Pendidikan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 157)

- 86 Mengapakah seluruh warganegara Malaysia perlu menghayati prinsip Rukun Negara?

- A Identiti negara
- B Falsafah hidup
- C Teras nasional
- D Nilai kerakyatan

(Buku Teks m.s. 157)

- 87 Gagasan berikut ditubuhkan di Malaysia selepas kemerdekaan.

Gagasan pembentukan Rukun Negara

Apakah peristiwa yang membawa kepada pembentukan gagasan tersebut?

- A Rusuhan kaum
- B Ancaman komunis
- C Kemelesetan ekonomi
- D Konfrontasi Indonesia

(Buku Teks m.s. 157)

- 88 Rukun Negara terhasil daripada perbincangan dan pemikiran beberapa anggota masyarakat dalam sebuah majlis.

Apakah majlis tersebut?

- A Majlis Gerakan Rakyat
- B Majlis Perundingan Negara
- C Majlis Keselamatan Negara
- D Majlis Muhibah Negara

(Buku Teks m.s. 157)

- 89 Rukun Negara telah diisytiharkan secara rasmi oleh

- A MAGERAN
- B Perdana Menteri
- C Yang di-Pertuan Agong
- D Majlis Perundingan Negara

(Buku Teks m.s. 157)

- 90 Pihak manakah yang menganggotai Majlis Perundingan Negara?

- I Majlis Raja-Raja
- II Badan profesional
- III Perkhidmatan awam
- IV Kumpulan mahasiswa

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 157)

- 91 Gambar berikut menunjukkan logo sambutan 50 tahun Rukun Negara pada tahun 2020.



- Apakah maksud bulan dan bintang yang terdapat pada logo tersebut?
- Amalan perpaduan antara rakyat
 - Kesetiaan kepada raja dan negara
 - Prinsip kepercayaan kepada tuhan
 - Semangat bekerjasama antara rakyat
- (Buku Teks m.s. 157)
- 92 Apakah maksud warna biru yang digunakan pada angka 50 dalam logo sambutan 50 tahun Rukun Negara?
- Kesucian
 - Perpaduan
 - Kedaulatan
 - Keberanian
- (Buku Teks m.s. 157)
- 93 Apakah matlamat penubuhan Rukun Negara?
- Memupuk sikap berbilang
 - Meningkatkan semangat berjuang
 - Membina masyarakat demokratik
 - Mencipta masyarakat yang adil
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV
- (Buku Teks m.s. 158)
- 94 Matlamat pembentukan Rukun Negara adalah melahirkan masyarakat yang liberal. Apakah ciri-ciri masyarakat liberal tersebut?
- Bebas mengamalkan adat resam
 - Mematuhi undang-undang negara
 - Mempunyai peluang yang saksama
 - Berjaya menguasai arus pemodenan
- (Buku Teks m.s. 158)
- 95 Bagaimanakah masyarakat progresif dapat dibentuk melalui Rukun Negara?
- Mengikut kemajuan sains dan teknologi
 - Mewujudkan persaingan secara positif
 - Menjamin kebebasan dalam berpolitik
 - Mengamalkan budaya masing-masing
- (Buku Teks m.s. 158)
- 96 Apakah prinsip Rukun Negara yang ketiga?
- Keluhuran perlembagaan
 - Kerjasama asas perpaduan
 - Kedaulatan undang-undang
 - Kesetiaan kepada raja dan negara
- (Buku Teks m.s. 159)
- 97 Pernyataan berikut merujuk kepada prinsip pertama Rukun Negara.
- Kepercayaan Kepada Tuhan
- Apakah kebaikan prinsip tersebut terhadap masyarakat?
- Menghormati lambang negara
 - Berani mempertahankan negara
 - Hubungan antara kaum terpelihara
 - Membentuk keperibadian yang baik
- (Buku Teks m.s. 159)
- 98 Prinsip kelima yang terkandung dalam Rukun Negara ialah kesopanan dan kesusilaan. Apakah kepentingan prinsip tersebut?
- Memberi hak kebebasan
 - Membentuk akhlak mulia
 - Mengikut perubahan masa
 - Menjamin keadilan ekonomi
- (Buku Teks m.s. 159)
- 99 Prinsip kedua dalam Rukun Negara ialah Kesetiaan kepada Raja dan Negara. Bagaimanakah rakyat Malaysia menghayati prinsip tersebut?
- Mengamalkan sikap berakhlak mulia
 - Penciptaan pelbagai inovasi dan produk
 - Menghormati simbol kedaulatan negara
 - Penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan
- (Buku Teks m.s. 159)
- 100 Apakah kebaikan pengamalan prinsip Rukun Negara terhadap kehidupan?
- Memupuk keharmonian negara
 - Memperkasa semangat kenegerian
 - Mengukuhkan hubungan diplomatik
 - Meningkatkan kesejahteraan rakyat
- I dan II
 - II dan III
 - I dan IV
 - III dan IV
- (Buku Teks m.s. 157 – 159)